



Coming soon in June 2023. NewspaperSG will be refreshed with a new look and user experience. Stay tuned!

[Search Newspapers](#)[Browse Newspapers](#)

I am looking for

[Advanced Search ▾](#)[Home](#) > [Berita Harian](#) > [25 January 1992](#) > [Page 7](#) > [Mayat Lt. Adnan dibakar, kata adik](#)

## Mayat Lt. Adnan dibakar, kata adik



Berita Harian, 25 January 1992, Page 7

Article also available on [Microfilm Reel NL17782](#)[^ Scroll to Top](#)[◀ Previous Article](#)[Next Article ▶](#)[◀ Previous Page](#)[Next Page ▶](#)

# Mayat Lt. Adnan dibakar, kata adik

Kezaliman tentera Jepun masih segar dalam ingatan Encik Amarullah Saidi.

Kisah pahit dalam sejarah Malaya itu memang sukar hendak dilupakan kerana dua orang abangnya menjadi korban akibat serangan tentera Jepun yang ganas.

Sehingga kini, pedih luka di hatinya masih terasa dan

kernarahannya meluap-luap setiap kali apabila mengenangkan kezaliman tentera Jepun yang menyembelih abangnya, Leftenan Adnan, secara kejam di Bukit Candu, Pasir Panjang di Singapura, walaupun ia telah berlaku hampir setengah abad lalu.

Bagaimanapun, Encik Amarullah tetap bangga atas keberanian abangnya menentang tentera Jepun itu. Bagi beliau, memori abangnya akan terus segar dalam ingatan. Beliau percaya, orang ramai juga berperasaan demikian. Sebagai bukti nama Leftenan Adnan diabadikan pada nama dua buah sekolah di Malaysia.

**BERITA HARIAN** telah menemubual Encik Amarullah, 64 tahun, di kampungannya di Kampung

[Information ^](#)

Newspaper:  
Berita Harian

Date:  
25 January 1992  
Reel Number:  
NL17782

Share     [Table of Contents ^](#)[◀ Previous](#) | [Page 7 ▾](#) | [Next ▶](#)[View Full Table of Contents ▶](#)

Sungai Merab, Selangor, baru-baru ini untuk mendalami lebih lanjut kisah dan latar belakang Leftenan Adnan dan keluarganya.

Laporan **JUMARI NAIYAN**.

**P**ERASAAN marah terhadap kezaliman tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua dulu tidak mungkin luput daripada ingatan Encik Amarullah Saidi walaupun perang telah berakhir setengah abad lalu.

Bagi beliau, yang ketika itu berumur 14 tahun dan tinggal di Kampung Sungai Ramal, kedatangan tentera Jepun telah menyebabkan dua orang abangnya mati semasa mempertahankan tanahair — seorang terkubur di laut sementara seorang lagi disembelih secara kejam dan kemudian dibakar.

Menceritakan peristiwa yang meragut nyawa abang-abangnya itu, ketika saya datang menemuinya di rumah beliau di Kampung Sungai Merab, Kajang di Selangor baru-baru ini, Encik Amarullah berkata:

“Abang saya, Leftenan Adnan, bukan sahaja diseksa dengan kejam oleh tentera Jepun malah mayatnya juga dibakar setelah diradak berkali-kali dengan benet sampai hancur.

“Saya memang tak boleh lupakan cerita itu. Kami hanya dapat tahu Leftenan Adnan dibunuh oleh tentera Jepun apabila seorang askar Melayu datang ke rumah kami kira-kira sebulan selepas British menyerah kalah.

“Kalau tak salah, Koperal Yaakub namanya. Katanya, beliau buat pura-pura mati setelah cedera apabila serangan Jepun di Bukit Candu sudah tak dapat dibedung lagi.”

Menurut cerita Koperal Yaakub, tambahnya, Leftenan Adnan dan rakan-rakan seperjuangannya dari Unit Rejimen Askar Melayu bertahan bermati-matian hingga ke titisan darah yang terakhir di bukit itu sehingga mengakibatkan ramai tentera Jepun turut terkorban.

“Apabila mereka kehabisan

pejuru, batang senapang dan benet pula digunakan untuk melawan Jepun. Tapi, nyatalah, serangan tentera Jepun lebih hebat. Akhirnya, askar-askar Melayu gugur satu-persatu...,” cerita Encik Amarullah.

Di tengah-tengah keghairahan bercerita, tiba-tiba beliau bangun dari tempat duduknya. Sambil berdiri di hadapan saya, beliau beriya-iya benar ‘berlakon’, menunjukkan bagaimana tentera Jepun menggunakan benet untuk membunuh askar-askar Melayu yang sedang terlantar mengerang kesakitan akibat cedera dalam serangan ganas ke atas mereka.

“Apabila bukit itu dah ditawan Jepun, Leftenan Adnan dimasukkan ke dalam guni hidup-hidup dan digantung dari dahan pokok ceri dengan kakinya diikat ke atas, kepala ke bawah...” kata Encik Amarullah dengan bersungguh-sungguh, membayangkan seolah-olah beliau benar-benar menyaksikan sendiri kejadian itu.

Cerita lanjut Koperal Yaakub itu, kata Encik Amarullah, begitu menggerunkan sehingga ibunya, Allahyarhamha Raibah Raja Nan Kaya, yang ketika itu ada turut mendengarnya, pengsan. Ayahnya, Allahyarham Saidi Sutan Bendahara, tidak dapat menahan air mata dan terus menangis.

“Ooooh, memang hebat cerita yang disampaikan oleh Koperal Yaakub itu. Abang saya ditikam oleh askar-askar Jepun secara beramai-ramai sehingga hancur mayatnya...,” kata Encik Amarullah, cuba menahan perasaan marahnya.

Menurut beliau, selain

Leftenan Adnan, seorang lagi abangnya, Allahyarham Ahmad Saidi, juga menjadi korban dalam serangan Jepun apabila kapal yang dinaiknya dihujani bom dekat Palembang, Indonesia.

Allahyarham Ahmad yang menyertai angkatan laut British dan berpangkat Sarjan, bertugas sebagai pengendali radio (*wireless operator*) di kapal HMS Pelanduk, apabila ia dibom oleh

 kapal-kapal terbang Jepun dalam perjalanan ke Australia.

Mengingatkan nasib malang abangnya yang terkorban di laut pada 1942 tidak lama selepas kematian Leftenan Adnan itu, suara Encik Amarullah tiba-tiba bertukar dari nada sedih menjadi marah.

“Sampai sekarang pun, tentera British masih belum lagi

 membayar wang pampasan abang saya. Saya sendiri dah pergi membuat tuntutan beberapa kali tetapi masih tak ada berita apa-apa hingga ke hari ini...,” katanya kesal.

“Hati Pak cik masih marah setiap kali mengingatkan kezaliman tentera Jepun. Sampai hari ini pun, Pak cik tak suka pergi ke kampung di Sungai Ramal. Setiap kali Pakcik lalu ke sana, hati Pakcik terguris kerana mengingatkan nasib keluarga.”

Keluarga Encik Amarullah juga tidak terlepas daripada kesengsaraan zaman pendudukan Jepun.

 Walaupun Leftenan Adnan sudah tiada lagi, pasukan Kempetai dikatakan masih terus memburu ibu bapa dan anggota-anggota keluarganya untuk membala dendam terhadap kematian askar-askar Jepun.

Encik Amarullah yang masih tetap membujang hingga hari ini, selanjutnya berkata:

“Kira-kira enam bulan selepas Jepun memerintah Malaya, kami dapat khabar bahawa MP (Polis Tentera) Jepun nak cari rumah kami. Dengarnya, mereka nak bunuh kami.... Nak pancung kepala lah tu...”

“Apa lagilah... Orang tua Pak cik, dengan tak lengah-lengah lagi, jual tanah, jual rumah. Lepas itu kami lari ke Bukit Tinggi di Sumatera Barat.”

Kecuali Allahyarham Hashim yang tinggal di Singapura, yang lain melarikan diri ke Sumatera.

Encik Amarullah yang kini menetap dengan anak sulung kakaknya, Cik Hasnah Abdul Manaf, pulang ke Malaya pada 1948. Beliau ditemani oleh adiknya Encik Dahlan yang kini menetap di Negeri Sembilan.

Kakaknya meninggal dunia di Sumatera kerana sakit. Ibu bapanya pula terus menetap di sana sehingga akhir hayat mereka.



“ Apabila bukit itu dah ditawan Jepun, Leftenan Adnan dimasukkan ke dalam guni hidup-hidup dan digantung dari dahan pokok ceri dengan kakinya diikat ke atas, kepala ke bawah... Abang saya ditikam oleh askar-askar Jepun secara beramai-ramai sehingga hancur mayatnya... ”

— Encik Amarullah Saidi,  
adik kepada Leftenan

## Related Articles

### Pergadai nyawa demi pertiwi

Berita Harian 25 January 1992

Pergadai nyawa demi pertiwi DALAM  
saat-saat genting sebelum Bukit Cand...

### 'Ibu terus pengsan..'

Berita Harian 9 September 1995

'Ibu terus pengsan..' Adik wira Bukit  
Candu imbas kematian abang ters...

### Keluarga turut jadi buruan

Berita Harian 9 September 1995

Keluarga turut jadi buruan MESKIPUN  
Lettenan Adnan Saidi akhirnya gugu...

National Library Board

Contact Us Feedback  FAQ



Vulnerability  Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy

©2023 Government of Singapore  
Last Updated 2019-10-29